

TARIKH	6 / 8 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	421	RUANGAN	News

# Tabung Haji bina surau RM1.8j

**BAYANLEPAS** – Penduduk Kampung Perdis kini dapat beribadat dengan lebih selesa apabila Surau As-Saadah yang dibiayai Tabung Haji (TH) siap sepenuhnya sejak dibina pada 1 Jun 2010.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Ismee Ismail berkata, surau dua tingkat yang dibina di atas tanah milik TH itu berkeluasan 909 meter persegi dan boleh memuatkan 200 jemaah dalam satu-satu masa.

"Projek bernilai RM1.8 juta ini khusus untuk menggantikan surau lama di kampung itu dan ia siap mengikut perancangan malah, menerima sijil perakuan siap dan pematuhan pada 6 Oktober 2011.

"Pembinaan surau ini

membuktikan sifat prihatin dan tanggungjawab TH kepada masyarakat setempat terutamanya dalam aspek pembangunan rohani," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menghadiri Majlis Berbuka Pusa Sempena Penyerahan Surau dan Penyampaian Sumbangan Aidilfitri Tabung Haji yang diadakan di D' Taha Mutiara.

Hadir sama, Yang Di Pertua Negeri, Tun Abdul Rahman Abbas, Toh Puan Majimor Shariff dan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (Mainpp), Datuk Mohd Salleh Man.

Dalam pada itu, seramai 50 ibu tunggal dan warga emas menerima sumbangan zakat dan pelbagai bentuk



Ismee (kiri) menyerahkan replika kunci Surau As-Saadah kepada Mohd Salleh sambil diperhatikan Abdul Rahman (dua, kanan).

sumbangan lain bagi membantu melancarkan persiapan perayaan.

Beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif berharap kariah dan jawatankuasa akan

bekerjasama dengan Mainpp untuk memakmurkan surau melalui pengisian aktiviti ke-

agamaan dan pembangunan insan dari semasa ke semasa.

Dalam perkembangan lain, TH mensasarkan RM1.3 juta di seluruh negara khusus untuk tujuan sumbangan Aidilfitri dan membantu meringankan beban tanggungan kewangan 2,600 golongan asnaf.

"Pada awal tahun ini, TH membayar RM 1.6 juta zakat kepada Pusat Urus Zakat Pulau Pinang sebagai sebahagian daripada tanggungjawab yang perlu dilaksanakan.

"Selain itu, diharapkan tanggungjawab sosial korporat yang dirancang dapat dilaksanakan sekali gus menyumbang kepada kestabilan dan kesejahteraan ekonomi serta sosial masyarakat Islam di negara ini," katanya.